

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

1. Senaraikan jumlah projek yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam KADUN Batu Lancang untuk tahun 2020 hingga 2025?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Jumlah projek yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam KADUN Batu Lancang dari tahun 2020 sehingga 2025 adalah sebanyak 10 projek seperti pecahan berikut:

Bil.	Agensi Pelaksana	Bilangan Projek
Kerajaan Negeri		
1.	Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang	Tiada
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL)	Tiada
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang	2
Pihak Berkuasa Tempatan		
1.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	8
JUMLAH		10

Perincian projek adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**SENARAI PROJEK DI KADUN BATU LANCHANG
BAGI TAHUN 2020 SEHINGGA 2025**

PELAKSANAAN OLEH AGENSI KERAJAAN NEGERI

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) PULAU PINANG			
Bil.	Nama Projek	Tahun Siap Pelaksanaan	Catatan
1	Cadangan pembinaan struktur-struktur kolam takungan bawah tanah di beberapa lokasi seperti di Solok Van Praagh, Lorong Hijau dan kawasan lapang strategik yang lain bagi pengurangan risiko banjir.	Dijangka pada penghujung tahun 2022	<ul style="list-style-type: none"> i. Masih dalam fasa kajian rekabentuk ii. Rekabentuk terperinci dijangka siap pada pertengahan tahun 2021. iii. Proses perolehan tender dijangka selama 6 bulan selepas fasa rekabentuk terperinci. iv. Pelaksanaan pembinaan dijangka pada penghujung tahun 2021 (tempoh pembinaan selama 12 bulan).
2	Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang	Dijangka pada pertengahan tahun 2023	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemuliharaan (rehabitasi) Sungai Jelutong asal yang merangkumi sub-lembangan Sungai Jelutong. ii. Masih dalam fasa kajian rekabentuk. iii. Rekabentuk terperinci dijangka siap pada penghujung tahun 2020. iv. Pelaksanaan pembinaan dijangka pada pertengahan tahun 2021 (tempoh pembinaan selama 24 bulan).

**SENARAI PROJEK DI KADUN BATU LANCHANG
BAGI TAHUN 2020 SEHINGGA 2025**

PEJABAT DAERAH DAN TANAH TIMUR LAUT (PDTDTL)			
Bil.	Nama Projek	Tahun Siap Pelaksanaan	Catatan
-	Tiada	-	<p>i. Kaedah permohonan projek adalah berdasarkan permohonan oleh PDTL mengikut keperluan atau melalui cadangan daripada YB ADUN Kawasan.</p> <p>ii. Sehingga kini, PDTDTL belum menerima cadangan projek untuk dilaksanakan oleh YB ADUN Batu Lanchang.</p> <p>iii. Peruntukan sebanyak RM300,000.00 disediakan oleh Kerajaan Negeri di bawah PDTDTL untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan masyarakat dan projek khas/latihan khas/bekalan bagi KADUN Batu Lanchang.</p>

PELAKSANAAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)			
Bil.	Nama Projek	Tahun Siap Pelaksanaan	Catatan
1	Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Di Solok Van Praagh Untuk Mengurangkan Impak Banjir Kilat	Pertengahan tahun 2020	-
2	Pelebaran persimpangan Jalan Van Praagh / Jalan Sir Ibrahim oleh pemaju	Penghujung tahun 2020	-
3	Projek Menaiktaraf Pasar Awam Batu Lanchang (Bumbung & Water Proofing)	2020	-
4	Penukaran lampu jalan jenis HPSV (High Pressure Sodium Vapour) kepada jenis LED (Light Emitting Diode) – Fasa 2	Awal tahun 2021	-
5	Cadangan pembinaan pusingan U di persimpangan Jalan Jelutong/Jalan Perak	2021	-
6	Projek membina Pusat Penyimpanan dan Pengeedaran Ayam	2021	-
7	Penyambungan Lorong Slim ke Lintang Slim oleh pemaju	2023	-
8	Projek RFP Pasar Awam Jalan Perak	2024	-